

1. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Kalau kita tidak hormatkan orang lain, bagaimana mungkin orang lain hendak menghormati kita.

	Kesalahan	Pembetulan
A	tidak	bukan
B	hormatkan	hormat akan
C	bagaimana	mengapa
D	orang lain	lain orang

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

2. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Janganlah terperdaya oleh tipu muslihat penjual ubat di pasar malam itu," titah ayah.

	Kesalahan	Pembetulan
A	terperdaya	memperdaya
B	penjual	penjualan
C	di	ke
D	titah	kata

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

3. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Salah satu syarat untuk memohon jawatan itu adalah pemohon hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman selama tiga tahun dalam bidang pemasaran.

	Kesalahan	Pembetulan
A	untuk	demi
B	adalah	ialah
C	mempunyai	punyai
D	dalam	di dalam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

4. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Orang-orang pelarian daripada Syria itu tidur berbantalkan lengan di dalam khemah yang didirikan oleh pihak Turki.

	Kesalahan	Pembetulan
A	daripada	dari
B	berbantalkan	membantalkan
C	di dalam	dalam
D	oleh	akan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

5. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Ayah memberitahu kami bahawa beliau pernah menaiki mini bas semasa bekerja di Shah Alam dahulu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	bahawa	yang
B	beliau	mereka
C	pernah	akan
D	mini bas	bas mini

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

6. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Saya akan mengutip buah-buah rambutan yang lepas di atas tanah di kebun datuk petang nanti.

	Kesalahan	Pembetulan
A	akan	telah
B	lepas	gugur
C	di atas	ke atas
D	di kebun	dari kebun

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

7. Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.



Rakyat-rakyat Malaysia yang berbilang kaum mengamalkan sikap toleransi dan saling membantu.

A

B

C

Tiada kesalahan.

D

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

8. Dalam ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Jumlah pengunjung ke Karnival Kerjaya itu begitu banyak sehingga tidak mengira jumlahnya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	pengunjung	kunjungan
B	ke	di
C	sehingga	selagi
D	mengira	terkira

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

9. Dalam ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kerajaan akan memberikan penghargaan kepada atlet yang telah mengharum nama negara pada peringkat antarabangsa.

	Kesalahan	Pembetulan
A	kepada	pada
B	yang	agar
C	mengharum	mengharumkan
D	pada	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

10. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Dato' K. Rajagobal akan menjalani latihan pusat itu dengan dua orang pembantunya pada petang ini.

	Kesalahan	Pembetulan
A	akan	telah
B	menjalani	menjalankan
C	dengan	oleh
D	dua	kedua

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

11. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Kamu hendaklah mengisikan borang ini sebelum mengambil nombor giliran," kata wanita di kaunter itu kepada seorang pemuda.

	Kesalahan	Pembetulan
A	kamu	kalian
B	mengisikan	mengisi
C	sebelum	selagi
D	di	ke

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

12. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Wanita yang berbaju kurung songket dan memegang sekaki payung itu adalah ibu saya," kata Lina kepada Devi.

	Kesalahan	Pembetulan
A	kurung songket	songket kurung
B	dan	atau
C	sekaki	sebatang
D	adalah	ialah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

13. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pohon-pohon bakau akan ditanam semula di kitar kawasan pinggir pantai itu untuk mengurangkan hakisan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	akan	masih
B	kitar	sekitar
C	untuk	demi
D	hakisan	terhakis

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

14. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kakak membeli dua helai kertas pembalut hadiah dan senaskhah kad ucapan di kedai alat tulis itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dua	kedua
B	helai	bidang
C	senaskhah	sekeping
D	alat tulis	tulis alat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

15. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Tujuan mesyuarat itu diadakan ialah untuk membincangkan program hari kecemerlangan yang akan diadakan pada minggu depan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	ialah	adalah
B	membincangkan	membincangkan tentang
C	akan	telah
D	pada	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

16. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.



Budin membawa sekawan lembu-lembu peliharaannya ke padang untuk meragut rumput.

- ☐ A lembu-lembu peliharaannya di padang
☐ B sekawan lembu peliharaannya ke padang
☐ C lembu-lembu sekawan peliharaannya ke padang
☐ D sekawan lembu-lembu peliharaannya ke padang

17. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Semua novel KOMSAS yang diperakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan diyakini dapat memberikan kesan positif pada tatalaku murid-murid.

	Kesalahan	Pembetulan
A	diperakukan	diperakui
B	oleh	pada
C	memberikan	memberi
D	pada	kepada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

18. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Tuan Puteri Cempaka Sari bertemu Sultan Alam Shah di balai penghadapan istana untuk mendapatkan perkenan baginda.

	Kesalahan	Pembetulan
A	bertemu	menghadap
B	di	ke
C	perkenan	persetujuan
D	baginda	beliau

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

19. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Mereka menyaksikan pertunjukkan bunga api bersempena dengan sambutan Citrawarna Malaysia di Dataran Merdeka tengah malam tadi.

	Kesalahan	Pembetulan
A	pertunjukkan	pertunjukan
B	bersempena dengan	sempena dengan
C	di	ke
D	tengah malam	malam tengah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

20. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Beliau meminta para-para pekerja supaya mengambil tindakan proaktif untuk memastikan bahawa segala projek tidak tergendala.

	Kesalahan	Pembetulan
A	para-para	para
B	mengambil	diambil
C	untuk	demi
D	tidak	bukan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D